

04/12/1999

1,105 undi pos ditemui tersadai

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa mendakwa, sebahagian daripada 1,105 undi pos bagi Parlimen Peringat, yang tidak dikembalikan ke pusat penjumlahan undi Isnin lalu, ditemui di lapan lokasi di Kota Bharu.

Beliau berkata, sebahagian daripada undi pos itu, yang dialamatkan kepada Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya P26 Peringat, Kompleks JPS Lundang, Peti Surat 300, 15770 Kota Bharu, diserahkan kepadanya Selasa lalu.

Serentak itu, beliau mempersoalkan mengapa 1,105 daripada 4,009 undi pos itu boleh tersadai di beberapa peti pos dan tidak dikembalikan kepada pegawai pengurus untuk penjumlahan.

"Setakat ini saya belum membuat keputusan sama ada akan membuat laporan polis, tetapi akan memaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terlebih dulu," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, di sini.

Dalam pilihan raya Isnin lalu, Annuar tewas dengan majoriti 4,525 undi kepada calon Keadilan, Mohamad Mustapha, yang memperolehi 19,481 undi, di kawasan Parlimen itu.

Annuar berkata, beliau mendedahkan perkara itu bagi membolehkan Surahanjaya Pilihan Raya (SPR) mengambil langkah perlu untuk mengelak masalah berkenaan berulang.

Ditanya mengapa baru hari ini beliau membuat pendedahan itu, Annuar berkata beliau mendapatkan pandangan daripada rakan sebelum membuat kenyataan.

Mengenai kegagalan BN merampas semula Kelantan, beliau berkata, kekalahan itu disebabkan pengundi Melayu negeri itu yang pulang dari bandar, terutama Wilayah Persekutuan, memberi undi kepada barisan alternatif (BA).

"Keseluruhannya gerakan reformasi berjaya diperalat oleh Pas untuk melemahkan pengaruh Umno di kalangan pengundi Melayu, terutama di bandar dan di kalangan kelas menengah Melayu," katanya.

Annuar berkata, suasana ketika kempen membayangkan BN berpeluang untuk menawan semula Kelantan kerana semua jentera parti berjalan lancar hasil muafakat serta kerjasama pemimpin.

Bagaimanapun, katanya, petanda kurang baik mula kelihatan pada hari akhir kempen apabila pengundi luar iaitu 20,000 orang dari selatan Thailand dan 50,000 orang dari Kuala Lumpur serta negeri lain di Semenanjung, pulang mengundi.

"Kedua-dua kumpulan ini, yang biasanya menyokong Umno, jelas membawa selera berbeza. Majoriti mereka menyokong pembangkang dan mempengaruhi keluarga mereka di saat akhir," katanya.

Beliau berkata, majoriti senyap dan penyakit lama Umno iaitu tidak berpuas hati dengan pimpinan di kawasan masing-masing menyebabkan mereka turut 'belot' terhadap parti dengan mencantas dari dalam.

Mengenai kenyataan Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Ibrahim Ali supaya Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) ditutup kerana rakyat Kelantan memilih pembangkang, beliau berkata:

"Saya tidak setuju kerana jika kita berhadapan dengan masalah, kita jangan lekas panik. Kita boleh bincang dan menentukan keberkesanan JPP dan di mana ada kelemahan, kita baiki. Tanggungjawab kerajaan Pusat harus diteruskan."

(END)